

UMS-KAL, polis perkukuh kerjasama

BH 11-12-2012 4

Labuan: Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL) mengukuhkan lagi kerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) menerusi kunjungan hormat ke atas pengurusan Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Labuan.

Pengarah UMS-KAL, Prof Madya Dr Ismail Ali, berkata pelbagai isu dibincangkan khususnya bagi meningkatkan kerjasama dalam menangani isu semasa dan keselamatan warga universiti berkenaan.

Hargai komitmen IPD

“Pengurusan tertinggi UMS sangat menghargai peranan dan komitmen IPD Labuan yang banyak membantu menjayakan pelbagai program universiti termasuk perarakan Graduan Berjubah, Tamu Gadang, pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar dan aktiviti pelajar,” katanya.

Beliau berkata demikian selepas mengetuai kunjungan hormat ke atas Timbalan Ketua Polis Daerah Labuan, Deputy Superintendan Douglas Nyeging Taong di IPD Labuan di sini.

Sementara itu, Dr Ismail Ali berkata, UMS sentiasa memberi perhatian penuh terha-



Douglas Nyeging Taong (tiga dari kanan) **menyampaikan cenderamata** kepada Dr Ismail Ali di Labuan.

[FOTO AZRI ONN/BH]

dap pembangunan akademik, kebajikan dan sahsiah pelajar selaras Pelan Transformasi Pendidikan Negara.

Naik taraf kemudahan

Sehubungan itu, katanya, pel-

bagai kemudahan infrastruktur sedang dinaik taraf dan dibangunkan universiti bagi memastikan pelajar terus cemerlang dalam akademik, kebajikan dan pembangunan sahsiah.

“UMS sentiasa berusaha menjadikan universiti ini sebuah institusi pengajian tinggi yang mampu melahirkan modal insan kelas pertama dan berguna kepada agama, bangsa dan negara,” katanya.